



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 16 DISEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	SI EKOR MERAH MENGGANAS DI PERAIRAN SUNGAI PAHANG, GAYA ALAM, UM -24 & 25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	'DIBAWA MASUK SECARA HARAM', GAYA ALAM, UM -25	
3.	AGROBANK TERIMA 3 ANUGERAH, BISNES, HM -31	AGROBANK
4.	AGROBANK MENANG 3 ANUGERAH BERPRESTIJ MPRA 2022, BISNES, BH -26	
5.	AGROBANK DAPAT PENGIKTIRAFAN DUNIA, BISNES, SH -30	
6.	FIVE STATES STILL FACING SEVERE SHORTAGE OF EGGS, NATION, THE STAR -9	LAIN-LAIN
7.	IKAN KEMBUNG JADI PILIHAN WALAU MAHAL, NEGARA, KOSMO -16	
8.	HARGA SAYUR BERDAUN NAIK MENDADAK SEJAK SEMINGGU LALU, NEGARA, KOSMO -16	
9.	PENGELUAR PRODUK MAKANAN DIGESA TIDAK NAIKKAN HARGA, NEGARA, KOSMO -16	
10.	PETANI KAMPUNG TUALANG MERANA HASIL PADI TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -29	
11.	HARGA SAYUR NAIK 50 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -11	
12.	KURANG CAHAYA MATAHARI, SAYUR CAMERON HIGHLANDS TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -11	
13.	PERMINTAAN TINGGI, BEKALAN TAK CUKUP, DALAM NEGERI, UM -11	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## REAKSI

"PERTAMA kali menangkap ikan ganas ini lima tahun lalu ketika menjaring di sungai. Selepas itu, saya kerap kali menemukan ikan ini tersangkut di umpan tajur malahan lebih banyak spesies ini membesar pelbagai saiz tersangkut di jaring setiap kali saya turun menangkap ikan.



"Ikan seberat hampir 20 kilogram berjaya saya naikkan ketika menyertai pertandingan pada 4 September lalu, cukup membuktikan spesies ganas ini sudah banyak membiak di perairan Sungai Pahang," katanya.

**MOHD. AIZUDDIN RAHIMI, 35**  
Nelayan sungai Kampung Pedah



"SEBELUM ini, saya pernah menemukan beberapa ikan ini tetapi bersaiz kecil dan menggagap bukan ancaman kepada ikan lain. Tetapi, sejak

beberapa tahun kemudian, saya kerap menangkap lebih banyak ikan ganas ini bersaiz besar dan beratnya melebihi 10 kilogram.

"Ini bermakna kami, nelayan sungai sudah berdepan cabaran baharu dan agak sukar memperoleh ikan liar seperti ikan patin, ikan kelah, ikan kenerak dan sebagainya. Secara perlahan-lahan ikan bernilai tinggi ini kian pupus, dimakan ikan pemangsa," katanya.

**ADENAN NIPAH, 68**  
Nelayan Sungai Tembeling,  
Kampung Pagi

"JABATAN Perikanan Pahang tidak pernah memberikan kebenaran kepada sesiapa pun membawa malahan mengenakan penguatkuasaan peraturan ketat kepada orang



ramai dengan melarang mentemak ikan pemangsa, sama ada di kolam atau di dalam sangkar atau pelepasan benih di sungai.

"Pembinaan spesies liar berasal dari Sungai Mekong ini perlu di kawal segera supaya tidak menjadi ancaman kepada spesies ikan bermutu tempatan," katanya.

**MUHAMMAD NUR  
ASHRI BASSARI**  
Timbalan Pengarah Jabatan  
Perikanan Pahang

**NAJIB** Abu memunculkan Ikan Baung Ekor Merah seberat 50kg yang ditangkap ketika pertandingan awal tahun ini di Sungai Jela berdekatan Kampung Tanjung Buloh, Lipis.



**BEBERAPA** ekor ikan baung ekor merah dipamerkan pada pertandingan Moh Buru Baung Ekor Merah di Jerantut Feri. Jerantut baru-baru ini.

## Si Ekor Merah menggar di perairan sungai Paha

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**  
gayautusan@medanulima.com.my

**T**IGA batang sungai utama di Pahang, iaitu Sungai Tembeling (Jerantut), Sungai Jela (Lipis) dan Sungai Pahang bukan sahaja berdepan dengan pencemaran air sejak dua dekad lalu, tetapi kini ada satu lagi fenomena baharu, iaitu kehadiran ikan pemangsa, Baung Ekor Merah.

Kehadiran spesies asal dari Sungai Mekong (Vietnam) itu mendominasi habitat di sungai tersebut menjadi pemusnah yang cukup ganas dan agresif terhadap ikan air tempatan seperti ikan patin, kelah, temoleh, udang dan sebagainya.

Nelayan tempatan mereka mengadukan ikan air tempatan pupus, akibat menjadi mangsa kepada Baung Ekor Merah



**IKAN** Baung Ekor Merah dipotong untuk dijual kepada pengunjung yang hadir ke pertandingan Moh Buru Baung Ekor Merah. - **UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD**

berkenaan.

Ikan Baung Ekor Merah atau *Hemibagrus wyckiioides*, turut dikenali sebagai Baung Mekong atau *Redtail Catchfish*.

dipercayai membiak di sungai utama negeri Pahang, kira-kira lima tahun lalu, namun sekiranya tidak dicegah pembiakannya dengan segera,



**AHMAD Nazlan Idris (berdiri belakang, tengah), disaksikan Muhammad Nur Ashri Bassari (dua dari kiri) bersama pemenang sempena pertandingan Moh Buru Baung Ekor Merah.**

## 'Dibawa masuk secara haram'

**AHLI** Parlimen Jerantut yang juga aktivis masyarakat, Datuk Ahmad Nazlan Idris ketika merasmikan program pertandingan Moh Buru Baung Ekor Merah di Waterfront Jerantut Feri, Jerantut, menjelaskan spesies ikan berkenaan, berkemungkinan dibawa masuk secara haram tanpa kebenaran pihak berkuasa untuk ternakan secara kecil-kecilan.

Namun ketika mencapai saiz yang besar, ikan berkenaan terlepas ke perairan sungai utama berikutan kejadian banjir yang menenggelami kolam teruakan yang terletak di pesisir sungai.

Jabatan Perikanan mendapati Baung Ekor Merah dalam kumpulan keluarga ikan keli terbesar di Asia mampu membesar sehingga 130 sentimeter (cm) dengan berat maksimum mencecah 80 kilogram.

"Bagi mengelakkan spesies ganas ini mengancam ikan liar tempatan yang bermutu tinggi di pasaran tempatan, sewajarnya kerajaan menerusi Jabatan Perikanan menghapuskan Baung Ekor Merah yang dipercaiyai membiak lebih 100,000 ekor sejak lima tahun lalu khususnya kawasan Sungai Tembeling dan Sungai Pahang yang mengalir dari Jerantut ke Pekan sepanjang 459 kilometer serta anak sungai di beberapa daerah berkenaan," katanya.

Ahmad Nazlan yang juga Penaja Program Moh Buru Baung Ekor Merah berkata, program dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perikanan itu, bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai ancaman ikan ganas itu di samping menjaga kepentingan hidupan air, iaitu ikan liar tempatan bermutu tinggi yang menjadi sumber pendapatan nelayan sungai.



**Spesies Baung Ekor Merah berkemungkinan dibawa masuk secara haram tanpa kebenaran pihak berkuasa untuk ternakan secara kecil-kecilan."**

Sehingga kini seramai 1,106 nelayan darat berdaftar dengan Jabatan Perikanan Pahang, manakala seramai 610 orang, aktif menangkap ikan sungai di Jerantut.

Sementara itu, Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan Kampung (JPKK) Tanjung Buluh, Lipis, Najid Abu, 47, berkata, nelayan Sungai Jelai merungut mengenai jumlah ikan Baung Ekor Merah yang banyak itu, menyebabkan hasil tangkapan ikan liar tempatan bermutu tinggi kian berkurangan.

"Saya dan penduduk berasa bimbang, kemungkinan benih anak ikan liar tempatan seperti ikan patin, ikan lampam dan ikan kelah yang dilepaskan di beberapa kawasan santuari Sungai Jelai berdekatan kampung ini lambat laun akan musnah dan pupus dimakan ikan pemangsa berkenaan.

"Kami menganggarkan lebih 100,000 ekor ikan Baung Ekor Merah membiak dan menguasai habitat Sungai Pahang dan Sungai Jelai.

"Kami turut risau sekiranya jumlahnya kian meningkat pada masa akan datang, sekiranya tidak ada usaha menanganinya dilakukan sekarang," katanya.

# mas ng



**Spesies ikan berkenaan mulai membiak di kawasan perairan sungai Pahang, selepas kejadian banjir 2014..."**

lambat laun ikan liar tempatan akan pupus dan tidak lagi dikenali oleh generasi akan datang.

Memiliki bentuk badan sama seperti ikan baung tempatan, tetapi rupanya berlainan di bahagian ekornya yang berwarna merah.

Ia dipercayai dibawa masuk ke negara ini sejak lima tahun lalu oleh beberapa pengusaha untuk ditemak di dalam kolam yang berkemungkinan dilakukan sebagai percubaan untuk tujuan komersial.

Malangnya, spesies ikan berkenaan mulai membiak di kawasan perairan sungai



**AHMAD Omar menunjukkan udang gajah yang mula terancam akibat menjadi mangsa ikan pemangsa, di Kampung Pagl, Jerantut.**

Pahang, selepas kejadian banjir 2014 atau tahun berikutnya apabila kolam yang menjadi tempat peliharaan ikan tersebut ditenggelami air

dan secara langsung ikan itu bebas bergerak dan menuju ke sungai utama.

Ikan Baung Ekor Merah boleh hidup di semua

habitat kawasan perairan sungai dan cepat membesar dengan menjadikan ikan liar tempatan, serangga, udang, ketam dan hidupan air lain

sebagai mangsa atau makanan. Ia turut menjadikan bangkai, najis dan buah hutan yang dibawa arus sungai sebagai sumber makanan.

16/12/2022

HARIAN  
METRO

BISNES

31



WARGA kerja Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Agrobank pada majlis Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2022 (MPRA 2022).

## Agrobank terima 3 anugerah

**Kuala Lumpur:** Agrobank merangkul tiga anugerah berprestij menerusi kempen dan inisiatif perhubungan awamnya pada Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2022 (MPRA 2022).

Tiga anugerah itu adalah Anugerah Hal Ehwal Awam Terbaik bagi inisiatif dan pencapaian perhubungan awam di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Perlombongan Malaysia 2022 (Maha 2022); Anugerah Kempen Bersepadu Perhubungan Awam Terbaik bagi Kempen Hari Kebangsaan Agrobank bertemakan #Berbudi dan Anugerah Komuniti Kewangan Terbaik

bagi Program Celik Wang iaitu program perdana pengurusan kewangan Agrobank khusus untuk pelajar sekolah.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya berbesar hati menerima pengiktirafan ini untuk dua tahun berturut-turut oleh Persatuan Perhubungan Awam dan Komunikasi (PRCA) Malaysia di MPRA 2022.

"Dengan aspirasi untuk mentransformasikan pertanian melangkaui perbankan, Agrobank sentiasa beriltizam untuk menyediakan solusi kewangan terbaik

serta pendekatan yang holistik bagi produk dan perkhidmatannya menerusi pelan komunikasi dan kempen perhubungan awam berimpak tinggi dan, pelbagai.

"Anugerah ini adalah satu penghormatan kepada usaha dan komitmen berterusan bagi seluruh warga kerja Jabatan Pemasaran dan Komunikasi di Agrobank

"Pengiktirafan ini melambangkan inisiatif kami dalam mengadaptasikan pelbagai saluran komunikasi khusus dalam misi menyampaikan mesej dan nilai teras Bank kepada pengguna," katanya.

# Agrobank menang 3 anugerah berprestij MPRA 2022

Agrobank memenangi tiga anugerah berprestij menerusi kempen dan inisiatif perhubungan awamnya pada Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2022 (MPRA 2022) minggu lalu.

Tiga anugerah yang dirangkul bank itu adalah Anugerah Hal Ehwal Awam Terbaik bagi inisiatif dan pencapaian perhubungan awam di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancangan Malaysia 2022 (MAHA 2022); Anugerah Kempen Bersepadu Perhubungan Awam Terbaik bagi Kempen Hari Kebangsaan Agrobank bertemakan 'berbudi' dan Anugerah Komuniti Kewangan Terbaik bagi Program Celik Wang iaitu program perdana pengurusan kewangan Agrobank khusus untuk pelajar sekolah.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata pihaknya berbesar

hati menerima pengiktirafan ini untuk tahun kedua berturut-turut oleh Persatuan Perhubungan Awam dan Komunikasi (PRCA) Malaysia di MPRA 2022.

Beliau berkata, dengan aspirasi mentransformasikan pertanian melangkaui perbankan, Agrobank sentiasa beriltizam untuk menyediakan solusi kewangan terbaik serta pendekatan yang holistik bagi produk dan perkhidmatannya menerusi pelan komunikasi dan kempen perhubungan awam berimpak tinggi dan pelbagai.

## Penghormatan usaha bank

"Anugerah ini adalah satu penghormatan kepada usaha dan komitmen berterusan bagi seluruh petugas Jabatan Pemasaran dan Komunikasi di Agrobank.

"Pengiktirafan ini melambangkan inisiatif kami dalam mengadaptasikan pelbagai saluran komunikasi khususnya dalam me-

nyampaikan mesej dan nilai teras bank kepada pengguna.

"Usaha ini tidak hanya tertumpu kepada platform media, malah menerusi pelbagai saluran dan inisiatif berpaksikan akar umbi yang memberi tumpuan khusus dalam melestarikan transformasi sektor pertanian dan jaminan bekalan makanan di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, tanggungjawab serta amanah dalam menyokong sektor pertanian serta meningkatkan ke-mampuan sosioekonomi komuniti yang kurang mendapat liputan dan diberi perhatian sudah sehati dengan DNA Agrobank.

Beliau berkata, justeru kejayaan anugerah itu menandakan inisiatif serta pendekatan unik yang berterusan dalam merealisasikan hasrat murni ini dapat dicapai, sekali gus menggalakkan pembalngunan sektor pertanian negara.

# Agrobank dapat pengiktirafan dunia

Menerima anugerah berprestij Institut Kewangan Pembangunan Peruncitan Islam Terbaik Dunia

SHAH ALAM

Agrobank dinobatkan sebagai penerima Anugerah Institut Kewangan Pembangunan Peruncitan Islam Terbaik Dunia atau "Best Islamic Retail Development Finance Institution in the World 2022 Award" di Islamic Retail Banking Awards (IRBA) kelapan yang berlangsung di Jakarta, Indonesia, baru-baru ini.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, anugerah itu membuktikan kemuncak perjalanan transformasi Agrobank sebagai sebuah institusi perbankan Islam penuh sejak

tahun 2015.

Menurutnya, anugerah itu akan mendorong bank itu untuk terus memenuhi permintaan dan keperluan pasaran yang semakin meningkat.

"Sebagai sebuah institusi perbankan Islam tempatan, Agrobank berbesar hati untuk menerima pengiktirafan antara-bangsa yang berprestij ini.

"Kejayaan ini juga merupakan testimoni terhadap keupayaan kami dalam menyediakan produk-produk serta perkhidmatan perbankan Islam yang terbaik, terutamanya bagi produk-produk peruncitan berasaskan syariah, termasuk bagi segmen perusahaan kecil dan sederhana, dan pembiayaan mikro, kepada pelanggan kami," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, Agrobank akan terus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah bank Islam yang disegani yang menyokong visi Malaysia dalam menjadi hab ekonomi Islam global.

Ketua Pegawai Strategi Agrobank, Mohamad Taufik Mahamad Zakaria dan lebih 50 pemain industri perkhidmatan kewangan runcit Islam terbaik dari seluruh dunia turut hadir ke majlis anuge-



Pengerusi IRBA, Dr. Humayon Dar (kiri) menyampaikan anugerah kepada Tengku Ahmad Badli Shah (tengah) dan Mohamad Taufik (kanan) pada majlis Islamic Retail Banking Awards (IRBA) kelapan yang berlangsung di Jakarta, Indonesia baru-baru ini.

rah tersebut.

Anugerah berprestij itu memberi pengiktirafan kepada individu dan institusi yang telah menunjukkan komitmen

besar dan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan, pertumbuhan dan kejayaan kepada perbankan peruncitan Islam.

# Five states still facing severe shortage of eggs

**KUALA LUMPUR:** The supply of eggs in supermarkets and retail stores in five states, namely Perak, Penang, Kelantan, Selangor and Melaka, is dwindling as many consumers and traders admit to difficulty in securing daily supplies.

In **PERAK**, a survey by Bernama at a fresh food supermarket in Bandar Meru Raya, Ipoh, found that there were no eggs on the shelves or in the storeroom, while some retail stores only offered limited quantities for purchase.

A grocery store worker, Muliadi Abdul Jalil, 32, said the lack of egg supply started about three months ago when the shop, which previously stocked 60 trays, now only receives half the order or less.

According to another grocery store worker, Fikri Abdul Rahman, 23, the premises now only receives less than half of its normal supply of 150 trays, with an average of about 60 trays.

In **PENANG**, a restaurant operator in Bandar Perda, Azhar Basirun, 59, said he needs at least 60 eggs for his business every day, but had to go hunting at many retail stores as traders limited purchases to only 10 eggs per person.

Consumer Muhammad Haris Omar, 42, also admitted that the supply of eggs is limited and the price higher than usual, hence he hoped that the problem could be resolved soon by the authorities because eggs are among the cheaper sources of nutrition for B40 families.



**Limited stock:** A worker at a supermarket in Gua Musang, Kelantan, arranging the supply of eggs. — Bernama

available being Omega and sandy eggs (premium eggs), which are more costly.

A supermarket worker in Bandar Baru, Hassan Basri, 27, said a supply of sandy and Omega eggs just arrived yesterday, but he expected the stock to be sold out today.

A bakery entrepreneur, Nadia Bustamam, 34, said previously, a shortage of normal eggs had affected her business operations because she believed some types of cakes could not use eggs other than the brown-coloured variety.

Meanwhile, in **SELANGOR**, a survey around Shah Alam found that eggs had been scarce for the past few months, especially in areas that are far from the city centre.

**"Sometimes I have to search in more than five shops for eggs."**

Muhammad Ismail Sulaiman

Housewife Rosliza Abdul Samad, 40, said the lack of supply of the protein source forced her to go to a supermarket further away from her housing area and she had to settle for Omega-type eggs which were much more expensive because she was unable to buy regular eggs.

In **MELAKA**, nasi lemak trader Muhammad Ismail Sulaiman, 40, from Klebang Pengkalan Rama said he too had faced difficulty finding eggs, which affected his sales.

"Sometimes I have to search in more than five shops for eggs and there are also grocery shops or supermarkets that limit sales for each buyer.

"In addition to the shortage, the eggs sold are mostly B-grade, which is more expensive ... but I have no choice," he lamented.

Tan Hock Seng, 34, from Bachang also admitted to facing a similar predicament, as eggs at the nearby grocery store often ran out of stock, and sometimes only had eggs on certain days.

# Ikan kembung jadi pilihan walau mahal

Oleh NORUL AKMA MOHD. ZAIN

**SEBERANG PERAI** - Pengguna di daerah ini tetap memilih membeli ikan temenung atau kembung meskipun mengetahui harga pasarnya kini semakin tidak stabil sehingga mencecah RM20 sekilogram, selain saiznya yang kecil dan nipis.

Rata-rata peniaga dan pengguna yang ditemui Kosmo di sini semalam mengatakan, hasil laut itu dibaratkan mereka sebagai lauk segar yang mampu dibeli dalam kuantiti banyak berbanding ikan besar lain.

Dakwa mereka, ikan besar seperti bawal emas, ikan merah, siakap dan biji nangka dijual pada harga tinggi hanya untuk seekor.

Seorang peniaga ikan, Chee Seng Kuan, 53, berkata, harga ikan temenung bersaiz besar dijualnya kini RM19 sekilogram.

"Saiz besar ada, tapi tak banyak. Kalau ada pun (saiz) kecil. Pelanggan ada yang merungut, tapi kita tiada pilihan terpaksa jual juga."

"Meskipun harganya mahal, pelanggan tetap mahu membeli



**IKAN temenung menjadi pilihan orang ramai di sebuah pasar di Seberang Perai semalam.**

ikan temenung kerana mereka boleh dapat dalam jumlah banyak," katanya.

Sementara itu, peniaga ikan

yang ingin dikenali sebagai Hafzah, 50, berkata, meskipun bekalan ikan temenung dikatakan berkurangan sejak seminggu

lalu berikutan keadaan cuaca tidak menentu, namun sumber laut itu tetap jadi pilihan pelanggan.

"Ikan yang saya dapat hari ini daripada perah pun tak banyak, tetapi ikan ini tetap habis dijual."

"Ikan temenung saiz kecil biasanya dijual pada harga RM12 hingga RM13 sekilogram, namun sekarang terpaksa jual RM15 (sekilogram). Untung pun tak seberapa, setakat RM1 dan RM2 saja," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang pembeli, Aina Rashid, 41, berkata, selain ikan kering, ikan temenung juga menjadi pilihan lauk utama keluarganya sejak dahulu.

"Ikan ini dianggap seperti lauk mampu milik. Ini kerana, pada harga RM15 sekilogram, kita boleh dapat 10 hingga 12 ekor ikan walaupun saiz kecil. Cukuplah bertahan seminggu atau lebih jika diselang-sell dengan masakan sayur," katanya.

Tinjauan Kosmo di beberapa pasar awam sekitar Seberang Perai di sini semalam mendapati, bekalan ikan temenung masih dijual di pasaran biarpun kelihatan berkurangan hampir 50 peratus.



## Harga sayur berdaun naik mendadak sejak seminggu lalu

**GEORGE TOWN** - Peniaga sayur di negeri ini berdepan dengan kenaikan harga beberapa jenis sayur-sayuran berdaun secara mendadak, selain sukar mendapat bekalan bahan itu.

Tinjauan Kosmo di pasar awam di sini mendapati, kenaikan harga paling ketara adalah daun sup iaitu dari RM10 kini menjadi RM18 sekilogram dan daun ketumbar, dijual RM35 berbanding RM20 sekilogram sebelum ini.

Seorang peniaga sayur di pasar awam daerah Barat Daya, Izam Abd. Hamid, 42, berkata, trend kenaikan harga sayur berdaun didapati mula berlaku sejak awal minggu lalu.

Katanya, dia terpaksa mencari bekalan daripada beberapa pembekal lain di negeri ini ekoran kesukaran mendapatkan stok.

"Memang harga sayur berdaun naik berterusan dan mendadak hampir setiap hari sejak minggu lalu kecuali sayur seperti cili dan sawi yang mulai turun sehingga RM5 sekilogram daripada RM8."

"Ketika ini, hanya daun sup bawang dan ketumbar yang masih kekal naik. Dalam situasi



**SEORANG peniaga menimbang sayur yang dibeli pelanggan di George Town kelmarin.**

ini, pengguna terutama isi rumah mungkin tidak sedar akan kenaikan ini kerana mereka beli dalam kuantiti yang sedikit.

"Peniaga makanan kini yang paling terasa lebih-lebih lagi harga sayur untuk buat sup."

"Sebelum ini, RM10 boleh dapat banyak ikat tetapi hari ini sikit sahaja," katanya di sini kelmarin.

Dalam pada itu, Izam membe-

ritahu, kemungkinan masalah itu berpunca daripada faktor cuaca tidak menentu memandangkan semua bekalan sayur datang dari Cameron Highlands, Pahang.

"Ketika ini, ramai peniaga makanan merungut kenaikan harga sayur berdaun. Kami tidak boleh buat apa-apa kerana menerima harga tinggi daripada pembekal, selain berdepan kekurangan bekalan," ujarnya.



**PENGELOUAR produk makanan diharap tidak menaikkan harga selepas kerajaan tidak menaikkan tarif elektrik. - GAMBAR HIASAN**

## Pengeluar produk makanan digesa tidak menaikkan harga

**GEORGE TOWN** - Industri kecil dan sederhana (IKS), syarikat berasaskan pertanian serta pengeluar makanan digesa tidak menaikkan harga bagi produk makanan keluaran masing-masing selepas kerajaan memutuskan untuk tidak menaikkan tarif elektrik.

Pegawai Pendidikan Persekutuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), N.V. Subbarow berkata, agensi berkaitan perlu memainkan peranan bagi memastikan harga produk makanan tidak dinaikkan.

"CAP mengalu-alukan langkah kerajaan untuk tidak menaikkan tarif elektrik."

"Selepas kerajaan memberikan insentif ini, pengeluar makanan tidak ada alasan untuk menaikkan harga," katanya di sini semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan memutuskan untuk tidak menaikkan tarif elektrik bagi pengguna domestik, industri kecil dan sederhana (IKS), syarikat berasaskan pertanian serta pengeluar makanan.



16/12/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

29

# Petani Kampung Tualang merana hasil padi terjejas

Oleh JAMLIJAH ABDULLAH  
utusannews@mediamulia.com.my

**PENDANG:** Sekumpulan petani di Kampung Tualang di sini merayu pihak terlibat supaya menyelesaikan masalah parit dan saliran tertak berdekatan sawah mereka yang didakwa menjejaskan tanaman padi sejak 2018.

Kumpulan petani itu mendakwa, sejak parit berkenaan dibina, mereka tidak dapat mengusahakan tanaman padi sekali gus kerana ribuan ringgit setiap musim.

Salah seorang daripada mereka, Mohamad Rodzi Md. Noh, 60, berkata, dia pernah menyuarakan kebimbangan tentang parit tersebut pada 2016 yang didakwa tidak bersesuaian kerana mengakibatkan air bertakung dalam sawah mereka.

"Pembentungan konkrit yang dibina di parit tersebut tidak dapat mengalirkan air keluar kerana kedudukannya tinggi. Ia mengakibatkan air dari sungai berdekatan bertakung malah sering banjir.

"Apabila parit dan pembetulan ini siap, kami langsung tak dapat menuai hasil. Kadangkala buat juga (tanam padi) ikut musim. Tetapi tak dapat tuai hasil sebab air bertakung. Kalau padi naik pun tak boleh tuai dengan mesin

sebab tanah lembut. Kami semua merana dan rugi," katanya ketika ditemui semalam.

Menurut Mohamad Rodzi, mereka pernah membuat aduan kepada pihak berkenaan berhubung perkara itu namun sehingga kini tidak mendapat sebarang maklum balas.

"Kali terakhir aduan dibuat pada 4 Disember lepas, pihak berkenaan hanya memberi pelbagai alasan. Kami sudah berpuluh tahun mengusahakan bendang di sini tak pernah ada masalah, sehinggalah parit ini dibina," luahnya.

Rakannya, Jalani Mohamed, 60, berkata, dia menanggung kerugian puluhan ribu ringgit setiap tahun apabila sawahnya yang tertetak berdekatan parit tersebut tidak dapat diusahakan lagi.

"Kami cuma berharap ada pihak yang datang bertemu dan mendengar keluhan kami. Berbincanglah kerana kami sudah bertahun-tahun menderita. Kalau betul kawasan bendang ini sudah tidak boleh diusahakan lagi bagilah idea lagi bagaimana cara kami dapat menebus guna sawah ini untuk kerja-kerja lain.

"Sudah 40 tahun buat bendang di sini tak pernah ada masalah apapun tetapi sejak 2018 apabila parit dan saliran air ini siap terus bawa masalah," katanya.



**SEKUMPULAN** petani menunjukkan kawasan sawah mereka yang tidak dapat diusahakan kerana masalah parit dan saliran air di Kampung Tualang Pendang. - UTUSAN/JAMLIJAH ABDULLAH

# Harga sayur naik 50 peratus

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
shofiisa@mediamulla.com.my

**KUANTAN:** Negara, dikhuatiri berdepan krisis bekalan sayur ekoran kekurangan sumber makanan itu khususnya di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands, dekat sini sehingga mencecah 20 hingga 45 peratus berikutan musim tengkujuh.

Antara sayur utama yang mengalami kekurangan adalah kubis bulat, tomato, salad, cili merah dan daun bawang sekali gus menyebabkan harganya di peringkat ladang meningkat antara 30 hingga 50 peratus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Pertubuhan Pekebun-pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, ekoran faktor cuaca, kekurangan bekalan sayur utama di Cameron Highlands kritikal ketika ini.

Katanya, hanya kubis bulat yang mengalami penurunan harga kepada RM1 sekilogram berbanding RM1.50 sebelum ini manakala sayuran-sayuran lain pula naik harga antara 30 hingga 50 peratus.



ORANG ramai membeli sayur di Kea Farm, Cameron Highlands, Pahang. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

"Tomato misalnya naik sehingga RM6 sekilogram berbanding RM2 ke RM3 sebelum musim tengkujuh. Dari segi pengeluaran tomato, petani memaklumkan ia berkurangan sehingga 45 peratus. Sayur jenis tomato ini ia tidak masak jika tiada cahaya matahari

dan bunganya gugur.

"Begitu juga salad, ia dijual RM5 sekilogram berbanding RM3 ke RM4 sebelum ini, cili merah RM10 sekilogram berbanding RM8 dan daun bawang RM12 sekilogram ketika ini berbanding RM3 ke RM8," katanya

di sini semalam.

Ee Mong berkata, ekoran faktor cuaca ketika ini, beliau percaya bukan sahaja sayur yang ditanam di kawasan tanah tinggi itu berkurangan malah di kawasan tanah rendah menghadapi situasi sama.

Ini kerana katanya, untuk memperoleh hasil tanaman, ia memerlukan masa paling kurang sebulan.

"Sayur seperti tomato dan kubis bulat, ia memerlukan tiga bulan lebih jangka masa, baru dapat hasil," katanya.

Beliau menjangkakan krisis bekalan sayur dan harganya berlarutan berdasarkan kepada faktor cuaca di negara ini.

Dalam pada beliau berkata, selain faktor cuaca, kekurangan bekalan sayur disebabkan kos input yang terlalu tinggi seperti baja kimia, racun perosak mesin-mesin serta bijih-bijih benih.

Sementara itu, beliau meminta kerajaan mengubah atau menyemak semula dasar yang dilaksanakan bagi memastikan krisis agromakanan negara termasuk bekalan sayur-sayuran tidak berpanjangan.

## Permintaan tinggi, bekalan tak cukup

**KUALA TERENGGANU:** Harga sayur-sayuran di Terengganu terus naik mendadak disebabkan permintaan yang tinggi sedangkan bekalannya masih tidak mencukupi disebabkan banjir yang melanda beberapa negeri minggu ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa pasar di sekitar daerah ini mendapati, kebanyakan harga sayur naik sekali ganda antaranya bayam, sawi, tomato, kacang panjang, daun sup dan daun ketumbar.

Peniaga yang ditemui mengakui mereka terpaksa menjual harga lebih tinggi kerana harga diperolehi dari pemborong juga sudah mahal.

Seorang peniaga di Pasar Chabang Tiga di sini, Mohd. Yazid Ibrahim, 56, berkata, dia serba salah mahu menjual sayur-sayuran itu kerana bersimpati dengan pelanggan disebabkan harganya yang mahal.

"Saya kena terangkan kepada pembeli bahawa banyak sayur ni datang dari negeri-negeri luar. Bila berlaku banjir, banyak kawasan terjejas dan pengeluaran terhad sedangkan permintaan tinggi, sebab itu harganya mahal.

"Ada pembeli yang merungut juga tapi terpaksa kerana sayur-sayuran sangat diperlukan dalam diet harian semua orang," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu di Kota Bharu, Kelantan, tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Ketereh mendapati, perbezaan harga ketara dapat dilihat apabila sayur jenis sawi dijual antara RM8 hingga RM9 sekilogram berbanding RM5 hingga RM6 sebelum ini.

Bagi tomato pula berlaku kenaikan sebanyak RM2 daripada harga asal iaitu RM3, timun pula dijual pada harga RM5 sekilogram berbanding RM3 serta daun ketumbar RM40 sekilogram berbanding RM25 sebelum ini.

## Kurang cahaya matahari, sayur Cameron Highlands terjejas

**CAMERON HIGHLANDS:** Pembebasan dan kesuburan sayur yang ditanam di tanah tinggi Cameron Highlands di sini terbantut kerana tidak banyak menerima cahaya matahari berikutan musim hujan.

Difahamkan, ekoran tidak lagi menerima cahaya matahari seperti biasa, sayur tidak membesar seperti saiz yang sepatutnya.

Ini menyebabkan pengeluaran sayur merosot dan sukar memenuhi permintaan sekali gus mendorong kenaikan harga bahan mentah itu bukan sahaja di sini tetapi di kebanyakan tempat di seluruh negara.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan perniagaan sayur di sekitar Kea Farm di sini mendapati, peniaga sayur mengeluh kerana sukar mendapat bekalan sayur seperti biasa.

Peniaga mengakui kekurangan bekalan disebabkan sayur yang ditanam di sini tidak dapat tumbuh seperti biasa kerana kurang cahaya matahari yang diperlukan untuk pokok tumbuh dengan subur.



PENGGUNA memilih pelbagai jenis sayur dan buah-buahan yang dijual di Cameron Highlands, Pahang.

Peniaga sayur di sini, E.Nalini, 23, berkata, akibat kekurangan cahaya matahari secara terus di kawasan ini menyebabkan saiz sayur menjadi kecil dan tidak subur, sekali gus harganya mahal.

"Dulu, kami dapat kacang buncis dengan harga RM6 ke

RM7 satu kilogram tetapi kini kami beli kacang tersebut daripada pemborong dengan harga RM10 sekilogram.

"Kami perlu kekalkan kuantiti yang sama kerana kita mempunyai pelanggan tetap, persaingan di sini sangat sengit,

jadi jika kurangkan kuantiti atau menaikkan harga, dikhuatiri akan kehilangan pelanggan," katanya di sini semalam.

Katanya, selain kacang buncis, sayuran jenis pakcoy juga dibeli dengan harga yang mahal daripada pemborong.